



# **GARISPANDUAN PENGIMPORAN ATAU PENGEKSPORTAN MAYAT ATAU MANA-MANA BAHAGIANNYA**

*Edisi Kedua*

**MOH/K/EPI/**

**Dikeluarkan oleh**

Sektor Kesihatan Antarabangsa  
Cawangan Survelan  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Jabatan Kesihatan Awam  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**Diedarkan oleh**

Sektor Kesihatan Antarabangsa  
Cawangan Survelan  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 6, Blok E10, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya

# **GARISPANDUAN PENGIMPORAN ATAU PENGEKSPORTAN MAYAT ATAU MANA-MANA BAHAGIANNYA**

## **Edisi Kedua**

Garis panduan Pengimportan atau Pengeksportan Mayat atau Mana-mana Bahagiannya dibukukan untuk rujukan pegawai diberikuasa di seluruh negara.

Garis panduan ini juga bertujuan bagi menyeragamkan aktiviti pengeluaran permit import dan eksport mayat dan mana-mana bahagiannya agar segala tindakan terhadapnya menurut peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengimportan dan Pengeksportan Mayat, Tisu Manusia Dan Organisma Atau Bahan Patogenik) 2005, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit berjangkit 1988.

Di samping itu juga, garis panduan ini turut mengambil kira penggunaan sistem BLESS dalam proses pengeluaran permit pengimportan dan pengeksportan mayat atau mana-mana bahagiannya.

Adalah diharapkan dengan adanya garis panduan ini, pemeriksaan ke atas mayat dan mana-mana bahagiannya lebih terancang, teratur dan berkualiti.

Terima kasih.

Pengarah  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia

## Isi Kandungan

<b>Bil.</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Mukasurat</b>
1.	Pendahuluan	1
2.	Objektif	1
3.	Undang-Undang Berkaitan	
3.1	Tafsiran	1
3.2	Kuasa-Kuasa Perundangan	2
4.	Carta Alir Proses Kerja Pengeluaran Permit Import/Eksport Mayat Atau Mana-Mana Bahagiannya	4
5	Proses Kerja Pengeluaran Permit Pengimportan Atau Pengeksportan Mayat Manusia Atau Mana-Mana Bahagiannya Di Pejabat Kesihatan Kesihatan Daerah / Pejabat Kesihatan Pintu Masuk	5
6.	Lampiran-lampiran	
Lampiran 1	Borang Permohonan Membawa Masuk / Keluar Mayat	11
Lampiran 2	Contoh Surat "Undertaking" Untuk Menyerahkan Mayat Atau Mana-Mana Bahagiannya	13
Lampiran 3	Contoh Notis Penyerahan Mayat Atau Mana-Mana Bahagiannya Yang Mati	14
Lampiran 4	Contoh Permit Mengimport atau Mengeksport Mayat	15
Lampiran 5	Contoh surat atau sijil kematian dari luar negara	16
Lampiran 6	Contoh sijil kebenaran pengkebumian	17
Lampiran 7	Contoh Sijil Kebenaran Eksport Mayat dari negara asal	18
Lampiran 8	Contoh Sijil Pengawetan Mayat	19
Lampiran 9	Senarai semak keperluan keranda	20
Lampiran 10	Kontainmen	21

## **PENGHARGAAN**

Kepada semua yang terlibat samada secara langsung maupun tidak secara langsung dalam melakukan semakan dan penambahbaikan terhadap draf asal buku Garispanduan Pengimportan atau Pengeksportan Mayat Atau Mana-mana Bahagiannya.

### **Penasihat**

Datuk Dr. Lokman Hakim bin Sulaiman  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Dr. Chong Chee Kheong  
Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit,  
Kementerian Kesihatan Malaysia

### **Pengerusi**

Dr. Norhayati binti Rusli  
Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit  
Cawangan Survelan, KKM

### **Ahli-ahli**

Dr Husna Maizura binti Ahmad Mahir  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Unit Kesihatan Antarabangsa  
Cawangan Penyakit Berjangkit, KKM

Dr. Hj. Azmi bin Hj. Abdul Rahim  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Unit Kesihatan Antarabangsa  
Cawangan Penyakit Berjangkit, KKM

Dr Uma Salmah binti Abdul Kadir  
Pegawai Kesihatan  
Pejabat Kesihatan Lapangan Terbang  
dan Pelabuhan Pulau Pinang

Dr. Noor Khalili Bin Mohd Ali  
Pegawai Kesihatan  
Pejabat Kesihatan Port Dickson

Tuan Hj Zulkeple Bin Abd Hamid  
Peg. Kesihatan Persekitaran  
Sektor Kesihatan Antarabangsa  
Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Sudin Bin Arifin  
Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran Kanan  
Sektor Kesihatan Antarabangsa  
Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Mohd Suffian Bin Mohd Salleh  
Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran Kanan  
Sektor Kesihatan Antarabangsa  
Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

**Penyunting**

Dr. Hj. Azmi bin Abdul Rahim  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Sektor Kesihatan Antarabangsa  
Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Mohd Suffian Bin Mohd Salleh  
Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran Kanan  
Sektor Kesihatan Antarabangsa  
Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Kami juga ingin memohon maaf sekiranya ada di antara penyumbang– penyumbang atau mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan garispanduan ini tidak tersenarai dalam senarai ini. Hanya Allah jua yang dapat membalas jasa baik tuan dan puan.

## **GARISPANDUAN PENGIMPORAN DAN PENGEKSORTAN MAYAT ATAU MANA-MANA BAHAGIANNYA**

---

### **1.0 Pendahuluan**

Garis panduan ini bertujuan untuk menyeragamkan aktiviti berkaitan dengan pengimportan dan pengeksportan mayat atau mana-mana bahagiannya di semua pintu masuk dan Pejabat Kesihatan seperti diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengimportan dan Pengeksportan Mayat, Tisu Manusia dan Organisma dan Bahan Patogenik), Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

### **2.0 Objektif**

- 2.1 Memastikan pengendalian mayat dapat dijalankan dengan teratur dan sempurna selaras dengan peruntukan undang-undang.
- 2.2 Untuk memberi panduan kepada pegawai yang di berikuasa dalam menjalankan aktiviti mengimport atau mengeksport mayat atau mana-mana bahagiannya di semua pintu masuk dan Pejabat Kesihatan Daerah.
- 2.3 Untuk menyeragamkan proses permohonan dan pengeluaran permit mengimport atau mengeksport mayat di semua Pejabat Kesihatan Daerah dan pintu masuk seluruh negara.

### **3.0 Undang-undang berkaitan:-**

#### **3.1 Tafsiran**

'mayat' ertinya manusia yang telah mati atau mana-mana bahagiannya.

'mayat berpenyakit' ertinya manusia yang mati disebabkan penyakit berjangkit seperti mana Jadual Pertama Seksyen 2 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988.

'mana-mana bahagiannya' ertinya organ-organ ataupun bahagian anggota dari badan manusia yang telah mati.

'embalmen(embalming)' ertinya pengawetan mayat manusia atau mana-mana bahagiannya.

'embalmer' ertinya individu atau organisasi yang mempunyai kelayakan dan pengalaman terlibat secara langsung bagi urusan

pengawetan mayat manusia dan telah menjalani latihan dari institusi yang diiktiraf dan berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia

'tempat embalmen' ertinya untuk penyakit berjangkit adalah mana-mana hospital kerajaan

'Sijil Embalmen' ertinya dokumen yang dikeluarkan oleh embalmer apabila mayat telah sempurna diuruskan pengawetannya.

'kontaimen' ertinya semua kerja-kerja pembaikan yang dilakukan terhadap keranda atau mayat atau dekontaminasi

'pegawai diberi kuasa' ertinya mana mana Pegawai Kesihatan, mana-mana inspektor kesihatan atau mana-mana pegawai yang dilantik oleh Menteri di bawah seksyen 3; Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988


### 3.2 Kuasa-kuasa perundangan

Sek/ Per	Kuasa	Pegawai bertanggungjawab	Penalti
<b>Akta Pencegahan &amp; Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988</b>			
S.5	Mohon bantuan polis, kastam dan imigresen	Pegawai diberi kuasa	Tiada
S.7	Kuasa memasuki dan memeriksa kenderaan dan langkah-langkah selepas itu.	Pegawai diberi kuasa	Tiada
S.9	Membawa masuk/membawa keluar Malaysia mayat atau organisma atau mana-mana bahagiannya	Pegawai diberi kuasa	S.24
S.16	Perintah bagi pemeriksaan mayat	Pegawai diberi kuasa	
S.17	Pengurusan orang mati	Pegawai diberi kuasa	S.24
S.21	Memerintah kenderaan tertentu dibasmi kuman	Pegawai diberi kuasa	
S.22	Kesalahan-kesalahan secara amnya	Pegawai diberi kuasa	
S.24	Penalti am	Pegawai diberi kuasa	S.24

S.25	Mengkompaun Kesalahan	Ketua pengarah atau pegawai awam yang diberi kuasa	
S.27(1)	Penyitaan dan pelupusan barang-barang tercemar dan sebagainya	Pegawai diberi kuasa	
S.28	Mendapatkan kos dan perbelanjaan	Pegawai diberi kuasa	
<b>Kanun Acara Jenayah(CPC)</b>			
S.331	Siasatan kematian	Pegawai perubatan kerajaan	
S.337(b)	Kuasa mendakwa	Pegawai yang diberi kuasa	
<b>Enakmen pengkebumian</b>			
<b>Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 2006</b>			
Per. 3	Kebenaran membawa masuk/keluar Malaysia mayat	Pegawai diberi kuasa	
Per. 7	Tanggungjawab pemohon, pengimport dan pengguna	Pegawai diberi kuasa	Peraturan 8
Per. 8	Kesalahan dan Penalti		Peraturan 8



**4. CARTA ALIR PROSES KERJA PENGELUARAN PERMIT IMPORT/EKSPORT MAYAT ATAU MANA-MANA BAHAGIANNYA**



**Nota : Pengeluaran permit hanya diluluskan oleh pegawai diberikuasa setelah pembayaran dibuat dan resit dikeluarkan**

## 5.0 Proses Kerja Pengeluaran Permit Pengimportan Atau Pengeksportan Mayat Manusia Atau Mana-Mana Bahagiannya Di Pejabat Kesihatan Daerah / Pejabat Kesihatan Pintu Masuk

Bil	Proses Yang Terlibat	Tanggungjawab
1	<p>Permohonan boleh dilakukan secara;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. On line melalui sistem BLESS (<a href="http://www.bless.gov.my">www.bless.gov.my</a>) . <i>Jadual Kedua [Subperaturan 4(3)]</i></li> <li>ii. Permohonan Permit Mengimport Mayat yang diuruskan oleh waris/bagi pihak waris tanpa menggunakan ejen boleh dikecualikan daripada memohon permit melalui BLESS. Walau bagaimanapun, di mana sesuai waris adalah digalakkan memohon permit secara atas talian melalui BLESS;</li> <li>iii. Permohonan Permit Mengimport Mayat yang diuruskan oleh ejen dikehendaki dibuat secara atas talian melalui BLESS; dan</li> <li>iv. Permohonan Permit Mengeksport Mayat pula dikehendaki dibuat secara atas talian melalui BLESS.</li> </ul>	Pemohon
2	<p>Terima dokumen permohonan, sahkan penerimaan (<i>Confirm Processing Center</i>) serah kepada Pegawai Kesihatan (PK)</p>	Pegawai Pemproses (PT) / Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP) (Pegawai diberikuasa)
	Pegawai Kesihatan Minit kepada Pegawai Diberikuasa	Pegawai Kesihatan
3	<p>Menerima dan menyemak Borang permohonan serta dokumen- dokumen berkaitan:- (<i>Verification Form</i>)</p> <p>3.1 Maklumat Pemohon: Salinan Kad Pengenalan atau dokumen perjalanan.</p> <p>3.2 Pastikan dokumen-dokumen berikut disertakan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sijil/Surat kematian.</li> <li>ii. Butir-butir seperti nama, tarikh kematian dan sebab kematian (Nama dan tandatangan Pegawai Perubatan/Forensik).</li> </ul>	PPKP (Pegawai diberikuasa)

Bil	Proses Yang Terlibat	Tanggungjawab
	<p>iii. Bagi kematian bukan disebabkan oleh penyakit berjangkit perlu dinyatakan dengan jelas bahawa sebab kematian bukan disebabkan penyakit berjangkit.</p> <p>iv. Sijil kebenaran pengkebumian.</p> <p>v. Surat Kebenaran Eksport dari kedutaan negara asal.</p> <p>vi. Sijil Embalmen</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengecualian boleh diberikan oleh Pegawai Diberikuasa sekiranya kematian bukan disebabkan oleh penyakit berjangkit serta bukti dikemukakan seperti berikut; <ul style="list-style-type: none"> <li>a. tiada kemudahan Embalmen di negara pengimport; atau</li> <li>b. Faktor keagamaan ; atau</li> <li>c. Dalam keadaan tertentu yang tidak membolehkan prosedur Embalmen dijalankan.</li> </ul> </li> </ul> <p>v. Lain-lain dokumen (jika perlu) Contoh : Laporan Polis.</p> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Permohonan satu permit adalah terhad untuk urusan satu (1) mayat yang diimport atau dieksport sahaja.</li> <li>• Bagi yang tiada sijil embalmen sila pastikan mengikut syarat dan keperluan yang ditetapkan</li> </ul>	
4	Permit import tidak boleh dikeluarkan untuk mayat bukan warganegara Malaysia yang hendak dikebumikan di Malaysia, kecuali terdapat bukti kebenaran pihak berkuasa tertentu atau Kerajaan Malaysia.	PPKP (Pegawai diberikuasa)
<b>5. Prosedur Import / Eksport Mayat Mati bukan sebab Penyakit Berjangkit</b>		
5.1	Prosedur Import Mayat di Pintu masuk	
	i. Tentukan sebab-sebab kematian sama ada disebabkan oleh penyakit berjangkit atau tidak. Sebarang kemusykilan perlu dirujuk kepada Pegawai Kesihatan Daerah.	PPKP (Pegawai diberikuasa)
	ii. Pastikan keranda/bekas/body bag berada di dalam keadaan baik.	PPKP (Pegawai diberikuasa)
	iii. Keranda/bekas/body bag dilak & kedap udara. ( <i>hermetically sealed</i> ) ;	PPKP (Pegawai diberikuasa)

Bil	Proses Yang Terlibat	Tanggungjawab
	iv. Pastikan keranda/bekas/body bag tidak berbau dan tiada lelehan cecair	PPKP (Pegawai diberikuasa)
	v. Jika keranda/bekas/body bag didapati tidak sempurna, Pegawai diberi kuasa hendaklah mengarahkan pemohon untuk menjalankan kerja-kerja kontainmen di tempat yang di khaskan.	PPKP (Pegawai diberikuasa)
	vi. Kos kontainmen ( <i>containment</i> ) akan ditanggung oleh waris/pengimport/pengeksport	PPKP (Pegawai diberikuasa)
	vii. Semak semula dokumen dan prosedur dan dicadangkan kepada Pegawai Berkuasa untuk kelulusan	PPKP (Pegawai diberikuasa)
	viii. Pegawai Diberikuasa meluluskan pengeluaran permit	Pegawai Pelulus/ PPKP (Pegawai diberikuasa)
	ix. Memaklumkan kelulusan kepada pemohon dan buat bayaran. a. Kadar bayaran yang ditetapkan pada Jadual Kelapan bagi Permit import/eksport mayat manusia atau mana-mana bahagiannya - Fi sebanyak RM 100.00	Pegawai Pemproses(PT) / PPKP (Pegawai diberikuasa)
	x. Terima bayaran, keluarkan resit dan rekod.	Pembantu tadbir/ PPKP (Pegawai diberikuasa) yang diberikuasa mengutip bayaran bagi pihak pentadbiran.
	xi. Pengeluaran permit hanya diluluskan oleh pegawai diberikuasa setelah pembayaran dibuat dan resit dikeluarkan.	PPKP (Pegawai diberikuasa)
5.2	Prosedur Eksport Mayat di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)	
	Prosedur ini perlu dijalankan di PKD di mana proses pengawetan dijalankan.	
	i. Tentukan sebab-sebab kematian sama ada disebabkan oleh penyakit berjangkit atau tidak. Sebarang kemusykilan perlu dirujuk kepada Pegawai Kesihatan Daerah.	PPKP (Pegawai diberikuasa)

Bil	Proses Yang Terlibat	Tanggungjawab
	ii. Menjalankan pemeriksaan di lapangan.	PPKP (Pegawai diberikuasa)
	iii. Memastikan proses Embalmen telah dijalankan ke atas mayat oleh pihak berkaitan. PPKP dikehendaki hadir menyaksikan proses Embalmen dijalankan.	PPKP (Pegawai diberikuasa)
	iv. Pastikan keranda/bekas/body bag berada di dalam keadaan baik.	PPKP (Pegawai diberikuasa)
	v. Keranda/bekas/body bag dilak & kedap udara. ( <i>hermetically sealed</i> ).	PPKP (Pegawai diberikuasa)
	vi. Pastikan keranda/bekas/body bag tidak berbau dan tiada lelehan cecair	PPKP (Pegawai diberikuasa)
	vii. Jika keranda/bekas/body bag didapati tidak sempurna, Pegawai diberi kuasa hendaklah mengarahkan pemohon untuk menjalankan kerja-kerja kontaimen di tempat yang di khaskan.	PPKP (Pegawai diberikuasa)
	viii. Kos kontaimen ( <i>containment</i> ) akan ditanggung oleh waris/pengimport/pengekspert	PPKP(Pegawai diberikuasa)
	ix. Semak semula dokumen dan prosedur dan dicadangkan kepada Pegawai Berkuasa untuk kelulusan	PPKP (Pegawai diberikuasa)
	x. Pegawai Diberikuasa meluluskan pengeluaran permit	Pegawai Pelulus/ PPKP (Pegawai diberikuasa)
	xi. Memaklumkan kelulusan kepada pemohon untuk buat bayaran.  xii. Kadar bayaran yang ditetapkan pada Jadual Kelapan bagi Permit import/eksport mayat manusia atau mana-mana bahagiannya - Fi sebanyak RM 100.00	Pegawai Pemproses(PT) / PPKP (Pegawai diberikuasa)
	xiii. Terima bayaran, keluarkan resit dan rekod.	Pembantu tadbir/ PPKP (Pegawai diberikuasa) yang diberikuasa mengutip bayaran bagi pihak

Bil	Proses Yang Terlibat	Tanggungjawab
	xiv. Pengeluaran permit hanya diluluskan dan dikeluarkan oleh pegawai diberikuasa setelah pembayaran dibuat dan resit dikeluarkan.	PPKP (Pegawai diberikuasa)
	xv. Pejabat Kesihatan Daerah atau Pejabat Kesihatan Bahagian atau Pejabat Kesihatan Kawasan hendaklah memaklumkan kepada Pejabat Kesihatan Pintu Masuk yang terlibat dengan faks atau email salinan permit yang dikeluarkan.	PPKP (Pegawai diberikuasa)
6.	Prosedur Import / Eksport Mayat Mati sebab Penyakit Berjangkit	
	<b>Jika kematian disebabkan oleh penyakit Berjangkit</b>	
	i. Rujuk kepada Pegawai Kesihatan untuk arahan dan tindakan selanjutnya.	PPKP (Pegawai diberikuasa) PKD/ Pejabat Kesihatan Pintu masuk (PKPM)
	ii. Pegawai Kesihatan mengarahkan Pegawai Diberikuasa untuk menjalankan pemeriksaan dan tindakan selanjutnya	Pegawai Kesihatan PKD/ PKPM
	iii. Jalankan Pemeriksaan Fizikal: Pastikan keranda/bekas/body bag berada di dalam keadaan sempurna .	PPKP (Pegawai diberikuasa) PKD/ PKPM
	iv. Keranda/bekas/body bag dilak & kedap udara. ( <i>hermetically sealed</i> )	PPKP (Pegawai diberikuasa) PKD/ PKPM
	v. Pastikan keranda/bekas/body bag tidak berbau dan tiada lelehan cecair	PPKP (Pegawai diberikuasa) PKD/ PKPM
	vi. Jika keranda/bekas/body bag didapati tidak sempurna, Pegawai diberi kuasa hendaklah mengarahkan pemohon untuk menjalankan kerja-kerja kontainmen di tempat yang dikhaskan. Jalankan kerja-kerja mengikut SOP pengendalian mayat akibat penyakit berjangkit.	PPKP (Pegawai diberikuasa) PKD/ Pegawai Kesihatan Pintu masuk
	vii. Memaklumkan kos kontainmen akan ditanggung oleh waris/pengimport/pengeksport.	PPKP (Pegawai diberikuasa) PKD/Pegawai Kesihatan Pintu masuk

Bil	Proses Yang Terlibat	Tanggungjawab
	viii. Semak semula semua dokumen/ prosedur dan cadangkan kepada Pegawai Diberikuasa untuk keluarkan permit.	PPKP(Pegawai diberikuasa) PKD/ Pegawai Kesihatan Pintu masuk
	ix. Pegawai Diberikuasa meluluskan pengeluaran permit	PPKP(Pegawai diberikuasa) PKD/ Pegawai Kesihatan Pintu masuk
	xvi. Memaklumkan kelulusan kepada pemohon untuk buat bayaran.  xvii. Kadar bayaran yang ditetapkan pada Jadual Kelapan bagi Permit import/eksport mayat manusia atau mana-mana bahagiannya - Fi sebanyak RM 100.00	Pegawai Pemproses(PT) / PPKP (Pegawai diberikuasa)
	xviii. Terima bayaran, keluarkan resit dan rekod.	Pembantu tadbir/ PPKP (Pegawai diberikuasa) yang diberikuasa mengutip bayaran bagi pihak
	xix. Pengeluaran permit hanya diluluskan dan dikeluarkan oleh pegawai diberikuasa setelah pembayaran dibuat dan resit dikeluarkan.	PPKP (Pegawai diberikuasa)
	<b>xx. Untuk Permit import</b>  i. Maklumkan kepada pegawai diberikuasa di daerah penerima untuk pengendalian seterusnya melalui fax / emel surat 'undertaking'. ii. Serahkan surat notis penyerahan mayat kepada waris atau pengimport untuk membawa mayat atau apa-apa bahagiannya ke PKD di mana destinasi pengkebumian	PPKP(Pegawai diberikuasa) / Pegawai Kesihatan Pintu masuk
	<b>xxi. Untuk Permit Eksport</b> - Maklumkan kepada pegawai diberikuasa di Pejabat Kesihatan Pintu Masuk untuk pengendalian seterusnya melalui fax/emel salinan permit	PPKP(Pegawai diberikuasa) PKD







## Lampiran 2

### Contoh Surat "undertaking" untuk menyerahkan mayat atau mana-mana bahagiannya

Rujukan.....

Tarikh.....

Kepada,

Pegawai Kesihatan

.....

.....

No. Fax : .....

### **SURAT 'UNDERTAKING' UNTUK MENYERAHKAN MAYAT ATAU MANA-MANA BAHAGIANNYA**

Saya.....No.K/P:.....

yang beralamat di.....adalah waris/

/pengimport dengan ini berjanji akan menyerahkan mayat atau mana-mana

bahagiannya kepada Pegawai Kesihatan Daerah.....di...

.....

tanpa kelewatan untuk pengurusan selanjutnya mayat atau mana-mana bahagiannya

yang mana kebenaran telah diberikan kepada saya.

Yang Benar,

.....

.....

\* Catatan: Di luar waktu pejabat, Pegawai di pintu masuk perlu menghubungi Pegawai siapsiaga(Oncall) di daerah yang berkenaan.

**Lampiran 3**

**Contoh Notis Penyerahan Mayat atau mana-mana bahagiannya yang mati**

Rujukan.....

Tarikh.....

Pegawai Kesihatan

.....  
.....

Kepada,

Pegawai Kesihatan Daerah

.....  
.....

**NOTIS PENYERAHAN MAYAT ATAU MANA-MANA BAHAGIANNYA YANG MATI  
DISEBABKAN OLEH PENYAKIT BERJANGKIT**

Saya dengan ini menyerahkan mayat atau mana-mana bahagiannya (nama) .....  
..... melalui pembawa / agen yang diketahui mati disebabkan penyakit ...  
..... untuk tindakan tuan selanjutnya.

a. Nama & Alamat:.....

Pembawa/Agen

b. No.Telefon:.....

c. Tempat mayat akan dibawa:.....

Nama Pegawai Yang Diberikuasa:.....

Tandatangan:.....

Tarikh Permit:.....

No.Permit:.....

Catatan: Satu salinan akuan penerimaan dari daerah dihantar ke pintu masuk berkenaan



Contoh surat atau sijil kematian dari luar negara

④ Sijil Kematian DARI PADA LUAR BT 992992  
**CERTIFIED COPY OF AN ENTRY**  
 Pursuant to the Births and Deaths Registration Act 1953

<b>DEATH</b>		Entry No. 214
Registration district	Leeds	
Sub-district	Leeds	
		Administrative area Metropolitan District of Leeds
1. Date and place of death		
2. Name and surname		3. Sex Male
		4. Maiden surname of woman who has married
5. Date and place of birth		
5th July 1939 Malaysia		
6. Occupation and usual address		
7(a) Name and surname of informant		(b) Qualification
Kok Fai LOH		Son
		Present at the death
(c) Usual address		
8. Cause of death		
I (a) Multi Organ Failure		
(b) Septicaemia		
(c) Necrotising Fascitis (beta haemolytic streptococcus)		
Certified by _____ after post mortem without inquest		
9. I certify that the particulars given by me above are true to the best of my knowledge and belief		Signature of informant
Loh F		
10. Date of registration	11. Signature of registrar	
Twenty-fourth November 2005		

Certified to be a true copy of an entry in a register in my custody.

S. Dann

{ Deputy

~~\*Superintendent Registrar~~  
\*Registrar

Date 24-11-2005

*\*Strike out whichever does not apply*

CAUTION: THERE ARE OFFENCES RELATING TO FALSIFYING OR ALTERING A CERTIFICATE AND USING OR POSSESSING A FALSE CERTIFICATE. ©CROWN COPYRIGHT

WARNING: A CERTIFICATE IS NOT EVIDENCE OF IDENTITY

Contoh sijil kebenaran pengkebumian

<p>PERMIT MENGENGUBURKAN                  HENDAKLAH DIBERI KEPADA PENJAJA TANAH PERKUBURAN                  (Am 138—Pn. 178)</p>	
<p>Nama dalam Daftar</p>	<p>No.</p>
<p>Nama</p>	<p>Umur</p>
<p>24</p>	<p>Jantina</p>
<p>LELAKI</p>	<p>Bangsa</p>
<p>INDONESIA</p>	<p>Tempat tinggal pada masa kematian</p>
<p>RUMAH... KONGSI,                  KULIM 45-7824</p>	<p>Tarikh kematian</p>
<p>4/7/2006, BID</p>	<p>Sebab kematian</p>
<p>PENDING</p>	<p>Balai Polis di mana kematian itu dilaporkan dan tarikh laporan</p>
<p>04-07-06:22:59 ; Takenaka MY</p>	

Nama: [Redacted]  
 Umpur: 27 Jantina: P Tandatangan Pegawai: [Redacted]  
 Tarikh Pendaftaran: [Redacted] yang memberi permit / hospital Kulim  
 PRINTAS 3500 TEL 703000

Contoh Sijil Kebenaran Eksport Mayat dari negara asal



**SURUHANJAYA TINGGI MALAYSIA**  
**HIGH COMMISSION OF MALAYSIA**  
45 BELGRAVE SQUARE, LONDON SW1X 8QT

*Telipon:* 0207-235 8033  
*Kawar:* MALAWAKIL LONDON  
*Telex:* 262550  
*Fax:* 0207-235 5161  
*E-Mail:* mhclondon@btinternet.com

Ruj Kami / Our ref:

Tarikh / Date: **24 November 2005**

TO WHOM IT MAY CONCERN


**RE: DEMISE OF MALAYSIAN CITIZEN OVERSEAS**

**NAME OF DECEASED:**

This is to confirm that  holder of Malaysian Passport No.  passed away on 22 November 2005 as per Death Certificate No. BT 992993, Entry No. 214.


2. The repatriation of the deceased to Malaysia is being undertaken by Hughes Funeral Services, Leeds, England and will be transported via Malaysian Airlines, Flight No. MH 003 departing London Heathrow on 29 November 2005. The remains of the deceased will be accompanied by  holder of Malaysian Passport No.

3. In this regard, all assistance given by the appropriate agencies in connection with the above matter will be highly appreciated.

  
  
Second Secretary (Consular)



Contoh Sijil Pengawetan Mayat


**THE BRITISH INSTITUTE OF EMBALMERS**  
 ANUBIS HOUSE, 21C STATION ROAD, KNOWLE, SOLIHULL, WEST MIDLANDS B98 0HL NO. 17052  
 TEL: 01564 778991 FAX 01564 770812  
**EMBALMING CERTIFICATE**  
 (ONLY FOR USE BY INDIVIDUAL MEMBERS OF THE INSTITUTE)

THIS IS TO CERTIFY THAT THE REMAINS OF THE LATE  
 [Redacted] WHO DIED ON 22-11-05  
 AT St James' Hospital AGED 66 YEARS  
 HAVE BEEN PROPERLY EMBALMED BY ME, AND ARE IN A SANITARY CONDITION.  
 DATE 24-11-05 SIGNED [Signature]  
 ADDRESS 180 York Road NAME [Redacted] (PRINTED CAPITAL LETTERS)  
LEEDS  
LS9 9NT BIE MEMBERSHIP NUMBER Y3177

Note

- (1) All the above details must be filled in (or it is not valid).
- (2) Registered students or those not currently members of the Institute are not authorised to sign this certificate (and it is not valid).

PART B

FORM OF ACKNOWLEDGMENT BY CORONER

of receipt of notice of intention to remove a body out of England.  
 Form prescribed by the Removal of Bodies Regulations 1954 (as amended)

To **Hughes Funeral Services**

(Here state the name of the person by whom notice was given, or of such other person as may have been designated in the notice to receive the coroner's acknowledgment)

Address **180 York Road, Leeds, LS9 9NT**

1. I hereby acknowledge that I have this **24** day of **November** **2005** received the notice given by **you** for the purpose of section 4 of the Births and Deaths Registration Act 1926, that it is intended to remove out of England the body, now lying within my jurisdiction, of [Redacted] deceased.

2. (a) I am satisfied that there is no necessity for me to make further enquiries concerning the death and the body may be removed out of England upon receipt of this acknowledgment.

(b) ~~The body may be removed out of England on or after the fifth day after the date aforesaid unless any lawful direction to the contrary has been given in the meanwhile.~~

3. ~~I return herewith the coroner's certificate for cremation of the deceased, endorsed to the effect that it will be valid only for cremation in Scotland/Northern Ireland/the Channel Islands/the Isle of Man.~~

Signature [Redacted]  
 \*Coroner/Deputy Coroner/Assistant Deputy Coroner



**Senarai semak keperluan keranda**

**1. Kotak yang diperbuat dari zink dalam keranda kayu**



2. Lak (hermertically seal) kotak zink dengan penutupnya dengan menggunakan sealant di sekeliling penutup kotak zink dan dirivet/ skru.
3. Penutup keranda kayu diletak dan dipakukan.
4. Keranda dibungkus dengan kain atau guni seperti yang disyaratkan oleh syarikat penerbangan(IATA)
5. Keranda diikat dan dilak dengan lak rasmi jabatan(sealing wax)

## Kontainmen

### A. Kerja-kerja kontainmen yang perlu dilakukan :-

1. Jika didapati keranda tidak dapat ditutup rapat
2. Jika kotak logam (zink) yang tidak dapat ditutup rapat/ dilak(hermertically seal)
3. Jika terdapat kebocoran – ditampal dengan menggunakan sealant.
4. Jika ada tumpahan sila rujuk langkah-langkah dekontaminasi dari bab 6 dalam garis panduan 'standard precaution' Unit HIV/AIDS 2004
5. Mendapatkan keranda yang sesuai dengan saiz mayat

### B. Kaedah pengangkutan

1. Menggunakan kenderaan yang sesuai dan yang dikhaskan membawa keranda mayat.
2. Membersihkan dan dekontaminasi kenderaan jika disyaki atau membawa mayat yang berpenyakit berjangkit. Sila rujuk langkah-langkah dekontaminasi dari bab 6 dalam garis panduan 'standard precaution' Unit HIV/AIDS 2004


C. Jika berlaku sesuatu kemalangan pastikan keranda berada dalam keadaan baik, jika berlaku kerosakkan pastikan langkah-langkah keselamatan(PPE, Dekontaminasi) dilakukan untuk mengelakkan jangkitan penyakit berjangkit.



Keranda yang dilapiskan plastik digunakan untuk mayat berpenyakit



Keranda dengan pembukaan untuk memudahkan mayat dilihat dari luar



Pengalihan Semula Kubur

